



TERMA DAN SYARAT KEMPEN EKSPRES JER!

“Kempen Ekspres Jer!” ini menawarkan peluang kepada anggota KT untuk memenangi hadiah yang menarik, tertakluk kepada terma dan syarat (“Terma dan Syarat”) yang berikut: -

1. TEMPOH KEMPEN

- a) Kempen Ekspres Jer! (“Kempen”) anjuran Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad (“KT”) ini akan bermula pada seperti jadual di bawah (“Tempoh Kempen”) kecuali jika dimaklumkan sebaliknya: -

Tempoh Kempen	
Fasa 1	1 Mei 2025 - 31 Julai 2025
Fasa 2	1 Oktober 2025 – 31 Disember 2025

KT mempunyai hak mutlak untuk mengubah tempoh dan/atau tarikh permulaan dan/atau tarikh tamat Tempoh Kempen dengan memberikan notis terdahulu selama tujuh (7) hari kalendar sebelum perubahan Tempoh Kempen berkuatkuasa, tarikh permulaan dan/atau tarikh tamat yang akan dipaparkan di laman sesawang KT di www.katmb.com.my atau apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai oleh KT.

- b) Jika atas apa-apa sebab Kempen ini tidak mampu berlangsung seperti yang dirancang atas sebab (dan tidak terhad) seperti penyebaran virus komputer, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, apa- apa perintah kerajaan tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan atau apa-apa sebab di luar kawalan KT, KT berhak untuk menukar, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen ini pada bila-bila masa tanpa sebarang notis terlebih dahulu.

2. SYARAT KELAYAKAN

- a) Penyertaan adalah terbuka kepada semua anggota KT yang memohon untuk mendapatkan mana-mana kemudahan pembiayaan di bawah semasa Tempoh Kempen berlangsung: -
- Pembiayaan Ekspres;

- ii. Pembiayaan Ekspres 2; dan
 - iii. Pembiayaan Ekspres 3.
- b) Tarikh permohonan pembiayaan, tarikh kelulusan permohonan dan tarikh pengeluaran (*disbursement*) pembiayaan hendaklah dibuat semasa Tempoh Kempen berlangsung.
- c) Anggota-anggota yang disenaraikan di bawah adalah tidak layak untuk menyertai Kempen ini;
- i. anggota Lembaga KT;
 - ii. anggota KT yang merupakan kakitangan tetap atau kakitangan kontrak KT;
 - iii. anggota KT yang merupakan kakitangan tetap atau kakitangan kontrak anak syarikat KT; dan
 - iv. anggota KT yang mempunyai keluarga terdekat (suami, isteri, anak, ibubapa atau adik beradik) yang merupakan kakitangan tetap atau kakitangan kontrak KT atau anak syarikat KT.

Anggota yang tidak disenaraikan di dalam perenggan 2(b) di atas, selepas ini akan disebut sebagai “Anggota KT Yang Layak”.

3. SYARAT DAN KAEADAH PENYERTAAN

- a) Penyertaan anggota adalah secara automatik apabila Anggota membuat permohonan Pembiayaan Ekspres, Ekspres 2 & Ekspres 3 dengan jumlah pembiayaan minimum sebanyak RM2,000.00 dan maksimum sebanyak RM20,000.00 yang diluluskan oleh KT dan tidak memerlukan borang penyertaan..
- b) Penyertaan dikira layak apabila tarikh permohonan pembiayaan, tarikh kelulusan pembiayaan dan tarikh pengeluaran (*disbursement*) pembiayaan adalah dibuat semasa Tempoh Kempen berlangsung sahaja.
- c) Sebarang penyertaan yang tidak memenuhi syarat kelayakan akan secara automatik dibatalkan.
- d) Dengan menyertai Kempen ini, Anggota KT Yang Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat oleh KT, berkaitan dengan setiap aspek Kempen ini termasuklah berhubung dengan hadiah yang akan diberikan dan penentuan pemenang hadiah adalah muktamad. Sebarang bantahan atau rayuan adalah tidak diterima.
- e) Dengan menyertai Kempen ini, Anggota KT Yang Layak dengan ini bersetuju bahawa tidak akan mempertanggungjawabkan KT sekiranya KT tidak dapat melaksanakan obligasinya di dalam ini secara keseluruhan atau sebahagian, yang berpunca secara langsung atau tidak langsung oleh kegagalan sebarang peranti mekanikal atau

elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kerosakan elektrik, pertikaian perusahaan, peperangan, mogok, rusuhan, sebarang bencana alam di luar kawalan KT, apa-apa perintah kerajaan tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan atau disebabkan situasi-situasi di luar kawalan munasabah KT.

- f) Dengan menyertai Kempen ini, Anggota KT Yang Layak dianggap memberikan kebenaran kepada KT untuk menggunakan dan menyiarkan nama, gambar-gambar dan nombor anggota pemenang bagi tujuan pengumuman pemenang, pengiklanan, publisiti dan/atau untuk apa-apa tujuan lain yang berkaitan dengan Kempen ini, tanpa sebarang notis terdahulu, bayaran royalti atau pampasan kepada Anggota KT Yang Layak. Anggota KT Yang Layak adalah tidak mempunyai hak untuk menuntut sebarang pemilikan atau apa-apa bentuk pampasan terhadap material tersebut.
- g) Anggota KT Yang Layak bertanggungjawab untuk memastikan nombor telefon mudah alih atau alamat e-mel mereka yang diberikan adalah yang terkini. Sekiranya terdapat apa-apa perubahan kepada maklumat perhubungan tersebut, adalah dinasihatkan supaya Anggota Yang Layak menghubungi KT bagi membuat kemaskini maklumat tersebut.

4. HADIAH-HADIAH KEMPEN

- a) Hadiah-hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

KATEGORI PEMBIAYAAN	HADIAH	BILANGAN PEMENANG YANG AKAN DIPILIH
RM10,000.00 - RM20,000.00	<i>Mountain Hiking Backpack</i>	45 Pemenang (Fasa 1) 45 Pemenang (Fasa 2)
RM2,000 – RM9,999.00	<i>Waterproof Dry Bag</i>	45 Pemenang (Fasa 1) 45 Pemenang (Fasa 2)

- b) Semua hadiah yang diberikan tidak boleh dipindah milik mahupun ditukar dengan wang tunai atau barang lain.
- c) Bagi sebarang aduan atau pertikaian berhubung kualiti atau jaminan hadiah, pemenang **HENDAKLAH** berurusan terus dengan pembekal tanpa sebarang hak menuntut balik dengan KT.
- d) Hadiah perlu dituntut oleh para pemenang dalam masa **satu (1) bulan dari tarikh pengumuman pemenang dibuat**. Sekiranya tiada tuntutan dalam masa yang ditetapkan, pihak KT berhak membatalkan nama pemenang dan menggantikan pemenang dengan memilih pemenang simpanan.
- e) Pemenang akan dihubungi oleh pihak KT melalui nombor telefon yang didaftarkan selama tiga (3) hari berturut-turut selepas hebahan pemenang bagi proses

pengambilan hadiah di ibu pejabat atau cawangan KT. Pihak KT tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pemenang gagal dihubungi kerana kesilapan Pemenang memberikan maklumat perhubungan yang betul semasa mengemas kini maklumat yang telah didaftarkan bersama KT.

- f) Pihak KT berhak menukar atau menggantikan hadiah yang ditawarkan dengan hadiah yang lain tanpa pemberitahuan terlebih dahulu.
- g) Segala imej gambar hadiah yang ditunjukkan dalam apa-apa iklan, Kempen publisiti dan bahan-bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini adalah bagi tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza dengan bentuk hadiah yang sebenarnya.

5. PEMILIHAN PEMENANG

- a) Pemenang hadiah akan dipilih secara rawak daripada kumpulan data jumlah penyertaan yang memenuhi syarat kelayakan.
- b) Cabutan nama pemenang secara rawak akan dibuat setiap bulan melalui program komputer. Sila rujuk jadual di bawah untuk ringkasan bagi pemilihan pemenang: -

KATEGORI PEMBIAYAAN	HADIAH	PEMENANG	PENGUMUMAN PEMENANG
RM10,000.00 - RM20,000.00	<i>Mountain Hiking Backpack</i>	45 Pemenang (Fasa 1) 45 Pemenang (Fasa 2)	Dalam tempoh 20 hari bekerja setiap akhir bulan kempen
RM2,000 – RM9,999.00	<i>Waterproof Dry Bag</i>	45 Pemenang (Fasa 1) 45 Pemenang (Fasa 2)	Dalam tempoh 20 hari bekerja setiap akhir bulan kempen

- c) Senarai pemenang akan diumumkan dan dipaparkan di laman sesawang KT atau melalui kaedah-kaedah lain yang dianggap sesuai atau praktikal oleh KT, selepas Tempoh Kempen berakhir.
- d) KT atas budi bicara mutlaknya berhak untuk membatalkan kemenangan pemenang sekiranya didapati pemenang yang dipilih melanggar mana-mana Terma dan Syarat Kempen.
- e) KT tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara jua sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab.
- f) Pihak KT mempunyai hak mutlak untuk memilih pengganti pemenang apabila perlu tetapi tidak terhad kepada senario berikut:
 - (i) Pemenang gagal dihubungi selama tiga (3) hari berturut-turut;

- (ii) Pemenang tidak menuntut hadiah dalam tempoh yang ditetapkan; dan
 - (iii) Pemenang telah menawarkan untuk membatalkan hadiahnya.
- g) Semua keputusan yang dibuat oleh pihak KT adalah muktamad dan segala surat-menyurat, rayuan atau bantahan tidak akan dilayan.
 - h) Bagi tujuan tuntutan hadiah, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau apa-apa jenis perbelanjaan yang dibuat oleh pemenang untuk mengambil hadiah tersebut pada tarikh dan tempat yang ditentukan oleh pihak KT, adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang sendiri.
 - i) Untuk menuntut hadiah, pemenang mesti mengemukakan kad pengenalan mereka untuk pengesahan identiti pemenang dan juga perlu menandatangani sebarang borang jika dikehendaki oleh KT.
 - j) KT tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan yang berlaku kepada hadiah yang dituntut pemenang. Sebarang pertikaian berkaitan kualiti, kebolehdagangan dan/atau jaminan (*warranty*) Hadiah (yang berkenaan) mesti diselesaikan antara pemenang dengan pengedar/pembekal tanpa melibatkan pihak KT. KT tidak bertanggungjawab atas pelanggaran kualiti atau jaminan hadiah.

6. DATA PERIBADI

Dengan menyertai Kempen ini, anggota KT bersetuju:-

- a) memberi kebenaran kepada KT atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh KT untuk memproses data peribadi anggota bagi tujuan yang berkaitan dengan Kempen ini.
- b) bahawa sebarang data peribadi yang didedahkan kepada KT sama ada secara lisan atau bertulis akan dikumpul, digunakan, disimpan dan (sekiranya ada keperluan undang-undang atau keperluan yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan Koperasi Tentera) didedahkan oleh KT menurut ketetapan yang dinyatakan di dalam Notis Privasi KT.
- c) telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi KT yang mana Notis Privasi tersebut boleh diperolehi di laman sesawang KT di www.katmb.com.my.

7. TERMA DAN SYARAT AM

- a) Dengan menyertai Kempen ini, Anggota dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju tanpa syarat untuk terikat dengan terma dan syarat ini atau sebarang pindaan terhadap terma dan syarat ini. Keputusan pihak KT dalam semua perkara berhubung Kempen ini adalah mutakhir dan muktamad. Tiada surat rayuan akan

dilayan untuk perkara tersebut.

- b) KT berhak, dengan memberikan notis terdahulu selama empat belas (14) hari kalender untuk mengubah (sama ada dengan menambah, memotong, memodifikasi, meminda atau sebaliknya walau bagaimanapun juga) (“Pindaan”) mana-mana Terma dan Syarat di dalam ini melalui paparan di laman sesawang KT di www.katmb.com.my atau apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai oleh KT. Pindaan akan dianggap mengikat dari tarikh makluman Pindaan atau dari sebarang tarikh yang boleh ditetapkan oleh KT dalam makluman.
- c) KT berhak menggantung, membatalkan, menamatkan atau menarik balik Kempen ini secara keseluruhan atau sebahagian. dengan memberikan notis terdahulu selama empat belas (14) hari kalender kepada anggota KT Yang Layak melalui paparan di laman sesawang KT di www.katmb.com.my atau apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai oleh KT. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang penggantungan, pembatalan, penamatan atau penarikan balik Kempen ini tidak akan memberikan hak kepada anggota KT untuk membuat sebarang tuntutan atau menuntut sebarang pampasan terhadap KT di atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh anggota KT yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan penggantungan, pembatalan, penamatan atau penarikan balik tersebut.
- d) Dengan menyertai Kempen ini, Anggota bersetuju bahawa tidak akan mempertanggungjawabkan KT sekiranya KT tidak dapat melaksanakan obligasinya di dalam ini secara keseluruhan atau sebahagian, yang berpunca secara langsung atau tidak langsung oleh kegagalan sebarang peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kerosakan elektrik, pertikaian perusahaan, peperangan, mogok, rusuhan, pandemik, arahan kerajaan atau sebarang bencana alam di luar kawalan KT atau disebabkan oleh sebarang faktor dalam bentuk di luar kawalan munasabah KT.
- e) Dengan menyertai Kempen ini, Anggota memberi kebenaran kepada pihak KT atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh KT untuk mengumpul, memproses dan menggunakan data peribadi Anggota bagi tujuan yang berkaitan dengan Kempen ini. Anggota faham bahawa sebarang data peribadi yang didedahkan kepada KT sama ada secara lisan atau bertulis akan dikumpul, digunakan, disimpan dan (sekiranya ada keperluan undang-undang atau keperluan yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan Koperasi Tentera) didedahkan oleh KT menurut ketetapan yang dinyatakan di dalam Notis Privasi Koperasi Tentera yang mana kandungan Notis Privasi tersebut telah dimaklumkan dan dipersetujui oleh Anggota. **Anggota dinasihatkan untuk melayari laman sesawang www.katmb.com.my untuk meneliti kandungan Notis Privasi tersebut.**
- f) KT ingin memberi peringatan kepada pada Anggota untuk mengambil langkah

berjaga-jaga yang sewajarnya semasa menerima sebarang panggilan telefon atau mesej yang meminta maklumat peribadi semasa dan/atau selepas Kempen.

- g) KT mempunyai hak eksklusif untuk mengumumkan atau memaparkan nama-nama dan gambar-gambar Anggota bagi tujuan pengiklanan dan publisiti tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Anggota tidak mempunyai hak untuk menuntut sebarang pemilikan atau apa-apa bentuk pampasan atau bayaran royalti terhadap material tersebut.
- h) Tertakluk kepada apa yang dibenarkan oleh undang-undang, KT tidak akan bertanggungjawab kepada Anggota atau mana-mana pihak ketiga untuk kerosakan langsung, tidak langsung, khas, sampingan, ganti rugi tauladan atau akibat kerosakan (termasuk kehilangan penggunaan, data, perniagaan atau keuntungan) yang timbul daripada atau berkaitan dengan penyertaan Anggota dalam Kempen ini, sama ada liabiliti tersebut berlaku berpunca daripada apa-apa tuntutan berasaskan kepada kontrak, jaminan, tort (termasuk kecuaian), liabiliti ketat atau sebaliknya, dan samaada Anggota telah dinasihatkan atau tidak kemungkinan kerugian atau kerosakan boleh berlaku.
- i) Terma dan syarat ini terikat dengan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan KT di talian **03-2303 0000**; atau kunjungi mana-mana cawangan KT; atau layari laman sesawang KT di www.katmb.com.my.

Tamat